



10 Disember 2012
10 December 2012
P.U. (A) 441

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN
KEPADA CCM CHEMICALS SDN. BHD., PASIR GUDANG,
JOHOR) 2012

*FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO CCM
CHEMICALS SDN. BHD., PASIR GUDANG, JOHOR)
ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA CCM CHEMICALS SDN.
BHD., PASIR GUDANG, JOHOR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada CCM Chemicals Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor) 2012.**

Pengecualian

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama CCM Chemicals Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu pada 14 Julai 2012.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.

JADUAL

(1)	(2)
<i>No. Pendaftaran</i>	<i>Perihalana Bejana Tekanan Tidak Berapi</i>
PMT 93996	Gelendong Peluwap Kedua
PMT 93997	Tangki Soda Kaustik
PMT 93998	Pemisah Anolit A
PMT 93999	Pemisah Anolit B
PMT 94000	Tangki Pam Air Garam Tersusut
PMT 94001	Pendingin Gas CL2
PMT 94002	Penapis Multimedia A
PMT 94003	Penapis Multimedia B
PMT 94004	Penapis Karbon Diaktifkan A
PMT 94005	Penapis Karbon Diaktifkan B
PMT 94006	Dasar Campuran Penyahion A
PMT 94007	Dasar Campuran Penyahion B
PMT 94008	Resin Penukaran Ion Lajur A
PMT 94009	Resin Penukaran Ion Lajur B
PMT 94010	Resin Penukaran Ion Lajur C
PMT 94011	Penapis Adang Air Garam
PMT 94012	Penangkap Nyala Gas H ₂
PMT 94013	Penumpuk AI
PMT 94014	Penumpuk AP
PMT 94015	Penapis Air Garam A
PMT 94016	Penapis Air Garam B
PMT 94017	Penyejat Kesan Pertama
PMT 94018	Penyejat Kesan Kedua
PMT 94019	Penyejat Kesan Pertama
PMT 94020	Pemisah Penyejat Kesan Kedua
PMT 94021	Pemeluwap Barometer
PMT 94022	Pemeluwap Sekunder
PMT 94023	Kepala Tangki Katolit
PMT 94024	Pemisah Katolit A